



Membina gereja sel yang kuat
iaitu berpusat kepada Kristus,
transformasi hidup,
melengkapi mereka yang diselamatkan,
menginjil jiwa yang hilang dan
komited kepada misi.

BISYOP DIOSIS

The Rt. Revd. Datuk Melter Jiki Tais

BISYOP SUFFRAGAN

- **Diosis Kawasan Timur Diosis Sabah**

The Rt. Revd. Datuk Melter Jiki Tais

- **Diosis Kawasan Barat Diosis Sabah**

The Rt. Revd. Kenneth Thien

- **Diosis Kawasan Selatan Diosis Sabah**

The Rt. Revd. John Yeo

REKTOR

The Rt. Revd. John Yeo

PEMBANTU REKTOR

Revd. Ho Kee Chung

PADERI/PASTOR

Revd. Samamadin Uloi

Revd. Alexander Nenotek

Revd. Robert Chin (Sukarela)

Revd. Chung Thau Yong (Sukarela)

Revd. Dr. Moses O. Afful Jr. (Sukarela)

Ps. Teh Chong Lay (Sukarela)

ZON BI: REV NELSON TAI ZUN BIN

- **Dewasa:** Revd. Richard Tai Shaw Jiun

- **Belia:** Revd. Richard Tai Shaw Jiun

- **Muda-Mudi:** Revd. Nelson Tai Zun Bin

- **Kanak-Kanak:** Doris Chin

ZON BC: REV. HO KEE CHUNG

- **Dewasa:** Revd. Ho Kee Chung

- **Belia:** Alan Chung

- **Muda-Mudi:** Yvonne Lee

- **Kanak-Kanak:** Chan Mei Yong

- **Warga Emas:** Kok Feh Ken

ZON BM:

- **Paderi Penasihat:**

Revd. Samamadin Uloi

- **SPC:** Revd. Anzen Daud

Revd. Fredoline Babiah

- **PJA:** Revd. Majelus Majar

- **Dewasa:** Revd. Anzen Daud

- **Belia:** Danny Daniel

- **Muda-Mudi:** Sendi Yunus

- **Kanak-kanak:** Meros Majar

PELAYANAN SOKONGAN

- **Penjagaan & Kasih:**

Alex Wong Chun Sang

- **Kaunseling:** Ps. Lim Bun Hui

- **Sistem Bunyi:** Jackson Samuel

- **Doa:** Chu Sui Fun

- **Pasukan Pujian:** Esther Hoo

- **Pusat Sumber:** Jeanie Hiew

STAF PENTADBIRAN

- **PA Rektor:** Annie Chiew

- **Pentadbiran:** Margaret Khong

- **Penyelenggaraan:**

Rommel Lumantas

- **Pengangkutan:**

Rommel Lumantas

- **Kebersihan:** Margaret Khong

GEREJA MISI

- **Tarakan**

Revd. Jakobus Chong

Ps. Roy Nol Simon

- **Nunukan, Sei Menggaris, Sebakis**

Revd. Martin Ataring

Revd. Ferdinan Atonis

Ps. Christinah Simon

Mesej Rektor



DIBANGUNKAN UNTUK MISI

*"Janganlah kamu mengumpulkan harta di bumi;
di bumi ngengat dan karat merusakkannya dan
pencuri membongkar serta mencurinya.*

***Tetapi kumpulkanlah bagimu harta di sorga;
di sorga ngengat dan karat tidak
merusakkannya dan pencuri tidak membongkar
serta mencurinya. Karena di mana hartamu
berada, di situ juga hatimu berada. (Matius 6:19-21)***

Jika anda telah menghadiri Kebaktian Kesyukuran pada hari Rabu baru-baru, saya telah berkongsi secara ringkas mengenai salah satu fokus utama kita untuk tahun ini - **Dibangunkan untuk Misi**. Saya menggalakkan kita semua untuk melangkah keluar ke ladang misi tahun ini. Doa saya adalah agar menjelang akhir tahun 2026, kita mempunyai sekurang-kurangnya 200 orang yang terlibat dalam misi jangka pendek sama ada di dalam negara (dalam Sabah) atau di luar negara (luar Sabah).

Melangkah ke langkah misi bukanlah suatu tugas yang mustahil atau menakutkan. Ramai orang sering berasa tidak layak atau tidak cukup diperlengkapi, lalu menganggap diri mereka belum bersedia untuk mengikuti misi. Mereka menyangka bahawa mereka mesti berkhotbah seperti penginjil atau mempunyai iman yang boleh berdoa memindahkan gunung, dan sebagainya. Semua ini adalah pemahaman yang salah tentang misi.

Misi sebenarnya bermula dengan langkah-langkah kecil seperti mempelajari lebih lanjut tentang misi, melawat dan melihat perkara yang Allah lakukan di ladang misi.

Muka surat seterusnya...

Alamat: P.O. Box 279, 91007 Tawau, Sabah.

Tel: 089-772212 (Pejabat Gereja)

Email: spctawau@gmail.com | Laman Web: <https://www.hoprayer.org.my>



dari muka surat sebelah...

Apabila kita mempunyai pemahaman yang lebih baik tentang misi, kita boleh mula berdoa untuk para misionari dan gereja, menabur/melabur dalam kerja-kerja misi, menyertai lebih banyak perjalanan pendedahan misi jangka pendek, mempelajari persediaan asas untuk membantu atau melayani di ladang misi. Setiap langkah akan membantu anda bertumbuh dalam keyakinan dan kesediaan.

Tidak ada had umur untuk misi. Semua orang boleh terlibat dalam misi—kanak-kanak, muda-mudi, belia, dewasa, dan warga tua. Setiap kerjaya dialu-alukan untuk menyertai misi—pelajar, golongan profesional (contohnya guru, jurutera, doktor), suri rumah, ahli perniagaan tidak kira lelaki atau wanita, dan sebagainya. Selagi anda mengasihi Yesus dan ingin orang lain mengenal Dia, anda sudah bersedia untuk misi.

Menabunglah dan pergilah ke misi sama ada dalam negara atau ke luar negara. Ramai di antara anda sebelum ini menyimpan wang untuk pergi ke tempat-tempat menarik seperti Korea, Jepun, China, Eropah, dan sebagainya. Pada tahun ini, berkomitedlah kepada misi. Dengan cara sedemikian, anda bukan hanya belajar lebih tentang ladang misi, tetapi anda juga sedang menabur (mengumpul harta di syurga). Komitmen anda menghasilkan manfaat yang kekal — yang tidak dimusnahkan oleh ngengat dan karat, dan pencuri tidak akan mencuri.

Oleh yang demikian, nantikan makluman yang seterusnya dan berkomited kepada Allah dalam doa hari ini. Kami akan memaklumkan kepada anda mengenai masa dan cara anda boleh menyertai misi. Sekurang-kurangnya yang boleh anda lakukan adalah menyertai dan melihat (tidak perlu melakukan apa-apa seperti berkhutbah atau mengajar). Bangunlah untuk misi!

SELAMAT DATANG

Kita mengalu-alukan kehadiran
Revd. Fredoline Babiah dan keluarga
yang hadir di tengah-tengah kita
pada hari ini.

PERJAMUAN KUDUS DI RUMAH

21 Januari 2026 (Rabu)
8:00pagi | Gereja St. Patrick

NOTIS

Pejabat Gereja, Pusat Sumber dan
Cafeteria ditutup pada
05 Januari - 07 Januari 2026.

KEBAKTIAN PENTAHBISAN



26 Januari 2026 (Isnin)
7:30malam | Rumah Doa

Semua jemaah dialu-alukan
untuk hadir.

CERITA DARI LADANG MISI: **APA YANG ALLAH SEDANG** **LAKUKAN DI INDONESIA**

21 Januari 2026 (Rabu)
7:30malam | Rumah Doa

Penceramah: Dean Timothy Chong

Anda telah mendengar tentang misi.
Tetapi pernahkah anda mendengar
kisah di sebalik misi?

Sertai Dean Timothy Chong dalam
satu perkongsian tentang apa yang
Tuhan sedang lakukan dalam Gereja
Anglikan di Indonesia.

Satu malam. Kisah nyata. Impak kekal.

PELETAKAN JAWATAN

Pn. Jenny Lim telah meletakkan
jawatan sebagai staf gereja
berkuat kuasa 31 Disember 2025.
Kita bersyukur untuk pelayanan beliau
selama 2 tahun. Kiranya Tuhan terus
memberkati beliau serta keluarga
dalam perancangan yang seterusnya.

PERKAHWINAN 2026

Sila tentukan tarikh perkahwinan
anda di Pejabat Gereja seawalnya.
Pasangan dan keluarga harus berjumpa
dengan Pastor Zon dalam tempoh
6 bulan sebelum tarikh pernikahan. Sila
ambil perhatian bahawa perkahwinan
tidak diadakan pada Musim Puasa dan
Adventus:

Musim Puasa:
18 Februari - 04 April 2026

Musim Adventus:
29 November - 24 Disember 2026

PEMBERIAN PERSEMBAHAN



Persepuluhan Persembahan

PINDAHAN DALAM TALIAN

⇒ Public Bank: 3091827035

Sila hantar salinan slip ke **011-59954101**

Cek: St. Patrick's Church, Tawau

STATISTIK KEBAKTIAN 2025

KEBAKTIAN	BULAN NOVEMBER		BULAN DISEMBER	
	KEHADIRAN	PERJAMUAN KUDUS	KEHADIRAN	PERJAMUAN KUDUS
Dwibahasa	328	317	329	314
Bahasa Hakka	274	229	265	254
Bahasa Inggeris	169	145	119	108
Bahasa Mandarin	82	63	87	79
Bahasa Malaysia	754	555	694	547
PJA 1(8:00pagi)	131	100	115	98
PJA 2 (11:00pagi)	100	67	88	58
Jumlah keseluruhan	1,838	1,476	1,697	1,458

TAHUN KEBANGUNAN 2026 DIBANGUNKAN UNTUK MISI INJIL YOHANES 4:27-38

1. Melihat (Yohanes 4:35)

2. Merasakan (Matius 9:35-38)

3. Berkomited (Yohanes 4:31-34)

Kesimpulan: Yesaya 6:8 - Lalu aku mendengar suara Tuhan berkata: "Siapakah yang akan Kuutus, dan siapakah yang mau pergi untuk Aku?" Maka sahutku: "Ini aku, utuslah aku!"